



**KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

Peniaga gerai di Pantai Jerudong dinasihatkan pameran tanda harga jelas dan betul

1. Para peniaga gerai di kawasan letak kereta Pantai Jerudong telah dinasihatkan untuk mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul selaras dengan keperluan Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga). Perkara ini telah disarankan semasa pemeriksaan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik (JPES) melalui Jabatan Hal Ehwal Pengguna di bawah Kementerian Kewangan dan Ekonomi bagi memudahkan pengguna untuk membuat perbandingan harga dan seterusnya membuat keputusan pembelian yang bermaklumat.
2. Pemeriksaan yang dijalankan baru-baru ini merupakan siri lawatan pemantauan secara berterusan sebagai usaha bagi memelihara kepentingan pengguna dengan memastikan ketelusan harga di kalangan para peniaga, dan sekaligus mempromosi persekitaran perniagaan yang beretika dan telus. Pemeriksaan juga bertujuan bagi meningkatkan kesedaran dan kepatuhan para peniaga terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga) di bawah Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
3. Hasil pemeriksaan ke atas lebih lima belas gerai menjual pelbagai barangan seperti buah-buahan, sayur-sayuran dan makanan kering telah mendapati segelintir peniaga tidak mempamerkan tanda harga, manakala sebilangan peniaga mempamerkan tanda harga pada sebahagian barangan yang dijual sahaja. Susulan kesalahan tersebut, para peniaga diberikan penerangan dan nasihat akan kepentingan bagi mempamerkan tanda harga dengan jelas dan betul pada pelbagai barangan yang dijual.
4. JPES akan melaksanakan siri lawatan pemantauan ke gerai dan tamu dari masa ke masa bagi memastikan pematuhan terhadap Perintah Kawalan Harga (Paparannya Tanda Harga). Peniaga yang didapati melakukan kesalahan berulang tidak mempamerkan tanda harga boleh dikenakan kompaun maksimum sebanyak B\$1,000 menurut bab 10A, Akta Kawalan Harga, Penggal 142.
5. Sebarang aduan atau pertanyaan lanjut mengenai paparan tanda harga boleh disalurkan melalui e-mel aduanpengguna@jpes.gov.bn atau Talian Darussalam 123, dengan menyertakan dokumen sokongan seperti gambar, bagi penelitian lanjut JPES.

#####

Disediakan oleh:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Kementerian Kewangan dan Ekonomi

E-mel: dca@jpes.gov.bn

Rujukan : (12) JPES/CAD/AKTA/Pt.13

Tarikh : 22 Ramadhan 1447 / 12 Mac 2026



**MINISTRY OF FINANCE AND ECONOMY
BRUNEI DARUSSALAM**

PRESS RELEASE

Stall operators at Pantai Jerudong advised to display prices clearly and accurately

1. Stall operators at the Pantai Jerudong parking area have been advised to display prices clearly and accurately in accordance with the Price Control (Display of Prices) Order. The reminder was issued during a recent inspection conducted by the Department of Economic Planning and Statistics (JPES), through the Department of Consumer Affairs under the Ministry of Finance and Economy, to ensure consumers are able to compare prices easily and make informed purchasing decisions.
2. The recent inspection is part of a continuous schedule of monitoring visits, undertaken to safeguard consumer interests by ensuring price transparency among businesses, while promoting an ethical and transparent business environment. Additionally, the inspection aimed to raise awareness and promote compliance among businesses with the Price Control (Display of Prices) Order under the Price Control Act, Chapter 142.
3. The inspection of over fifteen stalls selling various goods including fruits, vegetables and dried food items, found that some stall operators either did not display prices or displayed prices only on certain items. Accordingly, stall operators were briefed and advised on the importance of displaying prices clearly and accurately for all items sold.
4. JPES will continue conducting inspections to markets and *tamu* from time to time to ensure compliance with the Price Control (Display of Prices) Order. Businesses found to repeatedly fail to display prices may be issued a compound of up to B\$1,000 under section 10A of the Price Control Act, Chapter 142.
5. Complaints or inquiries regarding price display may be submitted via email at consumercomplaint@jpes.gov.bn or through Talian Darussalam 123, along with supporting documents such as photos, for JPES further assessment.

#####

Prepared by:
Department of Economic Planning and Statistics
Ministry of Finance and Economy
Email: dca@jpes.gov.bn

Reference : (12) JPES/CAD/AKTA/Pt.13
Date : 22 Ramadhan 1447 / 12 March 2026